

14/02/2003

KLWFF 2003 beri peluang rakyat Malaysia celik filem

Akmal Abdullah

SESUATU yang menarik di ibu negara sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara berkecuali (NAM) ke-13 yang bermula 20 Februari ini ialah penganjuran Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) 2003.

Penganjuran festival yang julung kali seumpamanya itu bakal mencipta sejarah menarik buat Kuala Lumpur. Festival filem peringkat antarabangsa itu dapat membuka mata dunia terhadap kemampuan Malaysia menganjurkannya.

Meskipun bersempena NAM, ia boleh membuka jalan menjadikan Kuala Lumpur pusat pengembangan filem.

Teori filem berkait dengan kehidupan meskipun ia bukan realiti kehidupan. Dalam filem ditemui pelbagai suntikan pengetahuan untuk kita belajar dan mendidik minda menjadi lebih sensitif mengenai kehidupan sejahtera, sesuai dengan tema festival ini 'Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan dan Tanpa Diskriminasi'. Slogan ini membawa konotasi karya filem mampu menyampaikan mesej kemanusiaan, keamanan, keharmonian dan perpaduan.

Meskipun tanpa publisiti awal, persiapan festival ini rancak dibuat dan bakal berlangsung dengan imej tersendiri selama tiga hari mulai Ahad ini.

Selama itu tentu pertemuan pemimpin, karyawan, pencinta filem dan rakyat dapat diadakan di bawah panji-panji layar perak sebagai simbol keamanan. Ini diwakili hampir 40 negara yang mengambil bahagian dalam KLWFF 2003.

Bukan tugas mudah untuk menyatukan semua negara ini atas nama seni filem dalam festival yang sememangnya bertaraf dunia. Festival ini bukan sekadar soal filem mana yang menang tetapi falsafahnya tersemat dalam pengisian filem yang disertai itu kerana mengungkap jati diri dan akal budi manusia.

Ia memperaga sentimen kehidupan berteraskan keamanan, keharmonian, keadilan dan kesejahteraan.

Penganjuran KLWFF 2003 di Kuala Lumpur melebarkan bendera Malaysia atas

tiang seni perfileman untuk memacu mesej mengenai perjuangan sejagat khususnya berkaitan agenda NAM. Secara tidak langsung, Malaysia memperluaskan imejnya menerusi filem dalam proses globalisasi. Ia memberi

isyarat industri filem kita tidak boleh lagi berada dalam keadaan terpercil.

Menerusi festival itu, ia memperlihatkan ibu negara ini menjadi satu lagi one stop cinema untuk agenda filem dunia. Pada festival ini juga bakal tercantum pelbagai rentak rasa, pemikiran dan budaya bangsa. Kuala Lumpur menjadi saksi kepada pertemuan bersifat kemanusiaan ini.

Sebagai tuan rumah KLWFF, ia juga memberikan peluang kepada rakyat negara ini menjadi celik dan cerdik filem. Kita harus membuka minda

untuk menerapkan nilai antarabangsa dalam filem asing secara positif. Filem pada festival ini tentu mempersembahkan kehidupan bangsa, bahasa dan budaya yang berbeza. Semua itu bertemakan kemanusiaan dan kasih sayang sesama insan sesuai dengan tema KLWFF.

Inilah peluang untuk Malaysia, khususnya karyawan, pemikir, pengkritik, pencinta dan peminat filem mengambil manfaat dengan pengisian filem asing kerana hampir semua filem itu tidak pernah ditayangkan di pawagam seperti filem Hollywood, Bollywood dan Hong Kong yang bersepah untuk ditonton.

Dalam aspek lain, ia bagaikan memberi peringatan KLWFF harus menjadi permulaan untuk kita memajukan perfileman bangsa sendiri. Untuk berjaya kita harus meninjau kehidupan orang lain menerusi filem. Untuk mencapai kemajuan pemikiran dan membina karya sendiri yang bermutu, kita harus meninjau karya hebat orang lain sebab karya mereka itu mungkin memberi kejutan luar biasa dalam pemikiran kita. Inilah gunanya KLWFF.

Diharapkan

ia mendapat sokongan padu semua yang meminati filem.

KLWFF 2003 bukan pesta glamor atau himpunan bintang filem tetapi idea ini tentunya tercetus atas kesedaran untuk membawa sekelumit perubahan terhadap pemikiran karyawan dan peminat filem kita. Ia berkaitan dengan minda dan jiwa. Pentas festival ini membuka laluan mudah kepada orang kita

untuk menghayati jiwa, pemikiran serta cara hidup orang lain yang tidak ramai rakyat Malaysia mengetahui menerusi tayangan filem.

Mengapa secara tiba-tiba seni hiburan menerusi filem dipilih untuk menjadi acara simbolik persidangan kemuncak NAM? Cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ini nyata memberi mesej halus untuk menyedarkan kita filem juga boleh dilihat sebagai wadah budaya bangsa dalam menaikkan martabat dan maruah sendiri.

Malaysia sudah beberapa kali menjadi tuan rumah Festival Filem Asia, malah kali terakhir berjaya menganjurkan Festival Filem Asia Pasifik pada 1990 di Kuching, Sarawak. Penganjuran KLWFF dilihat sebagai pembuka jalan

baru bersama semangat baru untuk meninjau kelemahan dan kekurangan dalam industri filem kita yang sekian lama berada dalam kemelut berpanjangan.

KLWFF harus menjadi medan menggerakkan pemikiran buat karyawan filem kita. Menerusi seni filem bangsa lain yang jarang dapat dipertontonkan, kita secara bijaksana berusaha mendapatkan petunjuk bagi membuka lembaran

baru ke arah kebangkitan filem kita selain menjadikan Malaysia sebagai platform perfileman yang boleh dibanggakan menjelang 2020.

Pemikiran visual bangsa asing harus ditinjau menerusi karya terpilih yang ditayangkan untuk tatapan masyarakat negara ini. Secara mudahnya, pertukaran visual menerusi festival ini penting kerana ia memberi ruang kepada masyarakat kita untuk melihat apa yang dijana menerusi filem asing

dalam aliran bukan popular tetapi mempunyai nilai tinggi kerana apa yang dibawa itu adalah simbol masyarakat luar mengenai pemikiran mereka terhadap sosiobudaya, kehidupan, kemanusiaan, kasih sayang, kesetiaan,

ketuhanan dan maruah.

Melalui filem negara peserta, visual menerusi naratif dan sinematografi bukan sekadar gambar untuk hiburan sebaliknya citra intelektual bangsa asing yang bersertakan ilmu yang wajar dicontohi. KLWFF 2003 harus menjadi pemangkin ke arah mencetus perubahan yang dramatik buat industri filem kita.